

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## SOROTAN STATISTIK EKONOMI MALAYSIA, SIRI 6/2025

**Ekonomi Malaysia terus mengukuh pada April 2025, disokong oleh pertumbuhan kebanyakan sektor dan pasaran buruh yang berdaya tahan**

**PUTRAJAYA, 26 JUN 2025** – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan **Sorotan Statistik Ekonomi Malaysia (MESR), Siri 6/2025**. Edisi ini memberi tumpuan kepada statistik terkini yang dikeluarkan pada April 2025 dan beberapa statistik akan datang untuk Mei 2025. Selain itu, edisi ini turut memuatkan artikel tambahan bertajuk "Mengukur Hubungan Antara Petunjuk Keyakinan dan Pertumbuhan KDNK di Malaysia", yang mengetengahkan peranan Petunjuk Keyakinan sebagai indikator penting untuk prestasi ekonomi.

Dalam prospek global terkini, Bank Dunia menjangkakan pertumbuhan global akan menyederhana kepada 2.3 peratus pada 2025 berbanding anggaran 2.8 peratus pada tahun 2024, sekali gus mencatat kadar pertumbuhan paling perlakan sejak krisis kewangan global 2008, tidak meliputi tempoh kemelesetan global sebenar. Sementara itu, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) meramalkan senario yang lebih optimistik, dengan pertumbuhan diunjurkan lebih perlakan daripada 3.3 peratus pada 2024 kepada 2.9 peratus pada 2025. Unjuran yang lebih sederhana ini mencerminkan cabaran berterusan, termasuk kadar faedah yang kekal tinggi, ketidaktentuan dasar ekonomi global serta peningkatan ketegangan perdagangan, yang secara keseluruhannya mendorong pendekatan lebih berhati-hati dalam membuat keputusan perniagaan dan pelaburan di peringkat global.

Menjelaskan trajektori ekonomi Malaysia, Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyatakan, "Ekonomi domestik Malaysia pada suku tahun pertama 2025 mencatatkan pertumbuhan merangkumi kebanyakan sektor. Sektor Perkhidmatan kekal sebagai pemacu utama, berkembang 5.0 peratus, disokong oleh

perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan serta perkhidmatan perniagaan. Sektor Pembuatan meningkat 4.1 peratus, didorong oleh pengeluaran kukuh produk elektronik, pemprosesan makanan dan produk berasaskan getah. Sektor Pertanian pula mencatat pertumbuhan sederhana 0.6 peratus, berikutan peningkatan dalam subsektor perikanan dan subsektor lain. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan pengkuarian menguncup 2.7 peratus, disebabkan penurunan pengeluaran minyak mentah dan gas asli.”

Dalam mengekalkan pertumbuhan, sektor Pembuatan merekodkan nilai jualan RM160.6 bilion pada April 2025, mencatatkan peningkatan 4.8 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya, dipacu terutamanya oleh prestasi kukuh dalam subsektor Makanan, minuman & tembakau (11.1%), Produk Elektrik & elektronik (9.8%), dan Produk mineral bukan logam, logam asas dan produk logam (4.6%). Bagaimanapun, pada atas bulan ke bulan, nilai jualan menurun 2.3 peratus berbanding Mac 2025. Dari segi prestasi industri, Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia meningkat 2.7 peratus tahun ke tahun pada April 2025, disokong oleh pertumbuhan 5.6 peratus dalam sektor Pembuatan. Sebaliknya, sektor Perlombongan dan Elektrik masing-masing mencatatkan penyusutan 10.0 peratus dan 1.6 peratus.

Dari perspektif yang lebih meluas terhadap sektor Perkhidmatan Malaysia, segmen Perdagangan Borong & Runcit mencatatkan jumlah jualan RM151.7 bilion pada April 2025, meningkat 4.7 peratus tahun ke tahun, didokong oleh peningkatan dalam Perdagangan Borong (5.5%), Perdagangan Runcit (4.7%) dan Kenderaan Bermotor (2.1%). Walau bagaimanapun, jualan secara bulanan merosot 1.5 peratus, dengan semua subsektor mencatatkan penguncupan. Indeks Volum untuk sektor ini meningkat 4.3 peratus tahun ke tahun kepada 160.6 mata namun menurun 1.3 peratus secara bulanan.

Dari aspek perdagangan luar negeri, jumlah dagangan pada April 2025 melonjak 18.2 peratus kepada RM261.9 bilion, disokong oleh pertumbuhan ketara dalam kedua-dua eksport dan import. Eksport barang Malaysia meningkat 16.4 peratus, terutamanya didorong oleh pertumbuhan berterusan dalam barang Elektrik & Elektronik (E&E). Sementara itu, import berkembang lebih laju pada 20.0 peratus, turut disokong oleh permintaan kukuh terhadap barang E&E. Berikutan itu,imbangan dagangan menyusut 33.0 peratus berbanding tempoh sama tahun sebelumnya. Secara bulan ke bulan, eksport merosot 2.7 peratus, manakala import meningkat 14.1 peratus. Pada Mei 2025, jumlah dagangan bernilai RM252.5 bilion, mencatat kenaikan

2.6 peratus berbanding tahun sebelumnya, terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan import 6.6 peratus.

Dari segi harga, trend harga di Malaysia pada April 2025 mencerminkan kestabilan berterusan di peringkat pengguna tetapi tekanan meningkat di peringkat pengeluar. Inflasi utama kekal stabil pada 1.4 peratus, sama seperti Mac, didorong oleh kenaikan harga berterusan dalam kategori utama seperti Penjagaan diri, perlindungan sosial & pelbagai barang & perkhidmatan, yang meningkat kepada 4.1 peratus, diikuti Pendidikan pada 2.3 peratus dan Perumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain 2.0 peratus. Sebaliknya, trend inflasi lebih sederhana dicatatkan dalam kumpulan Makanan & minuman; Rekreasi, sukan & kebudayaan serta Kesihatan. Dari sudut pengeluar, Indeks Harga Pengeluar (IHPR) mencatat penurunan 3.4 peratus tahun ke tahun pada April, berbanding kejatuhan 1.9 peratus sebelumnya. Penyusutan ini dipacu terutamanya oleh penguncutan berterusan dalam sektor Perlombongan (-17.8%), Pembuatan (-2.6%) dan Bekalan elektrik & gas (-0.6%), meskipun sektor Pertanian, perhutanan & perikanan serta Bekalan air masing-masing mencatat peningkatan 2.6 peratus dan 0.9 peratus. Secara bulanan, IHPR merosot 1.0 peratus, meneruskan penurunan 0.6 peratus yang direkodkan sebelum ini. Pada Mei 2025, Malaysia mencatat kadar inflasi 1.2 peratus, manakala IHPR terus merosot kepada 3.6 peratus.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin turut menegaskan bahawa pasaran buruh Malaysia terus mengukuh pada April 2025, dengan jumlah guna tenaga meningkat 2.8 peratus tahun ke tahun kepada 16.82 juta orang, dan mencatat pertumbuhan sederhana 0.2 peratus berbanding bulan sebelumnya. Selaras dengan trend positif ini, kadar pengangguran menurun kepada 3.0 peratus, menunjukkan bilangan pengangguran menyusut 5.5 peratus secara tahunan dan 0.7 peratus secara bulanan. Pada masa sama, bilangan tenaga buruh berkembang 2.5 peratus tahun ke tahun kepada 17.34 juta orang, manakala kadar penyertaan tenaga buruh meningkat kepada 70.8 peratus, naik 0.2 mata peratus berbanding April 2024 dan 0.1 mata peratus berbanding Mac 2025.

Indeks Pelopor Malaysia memberi petunjuk prospek ekonomi yang lebih sederhana dengan peningkatan marginal pada April 2025. Peningkatan tahun ke tahun ini mencerminkan daya tahan asas ekonomi dan memberi gambaran kelembapan jangka pendek, disokong oleh asas ekonomi domestik yang stabil.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengaruhi Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15)

yang bertujuan untuk memperkuat kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan.' Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 JUN 2025**

## Lampiran 1: Petunjuk Ekonomi Bulanan


### Indeks Pelopor

**113.6**  
APRIL 2025




### Kadar Pengangguran

**3.0%**  
APRIL 2025




### Pengeluaran Buah Tandan Segar

**1.3%**  
MEI 2025



### Pengeluaran Getah Asli

**-15.6%**  
APRIL 2025



### Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP)

**2.7%**  
APRIL 2025




### Nilai Jualan Sektor Pembuatan

**4.8%**  
APRIL 2025




## Nilai Jualan Perdagangan Borong & Runcit

**4.7%**  
APRIL 2025



## Indeks Volum Perdagangan Borong & Runcit

**4.3%**  
APRIL 2025



## Eksport

**-1.1%**  
MEI 2025




## Import

**6.6%**  
MEI 2025




## Indeks Harga Pengguna (IHP)

**1.2%**  
MEI 2025



## Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan

**-3.8%**  
MEI 2025



# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514 Federal Territory of Putrajaya  
Telephone : 03 - 8090 4681

## **MALAYSIA ECONOMIC STATISTICS REVIEW, VOLUME 6/2025**

***Malaysia's economy continued to strengthen in April 2025, driven by broad-based sectoral growth and a resilient labour market***

**PUTRAJAYA, 26<sup>th</sup> JUNE 2025** – Today, the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Malaysian Economic Statistics Review (MESR), Volume 6/2025**. This edition focuses on the recent statistics released in April 2025 and some forthcoming statistics for May 2025. On top of that, this edition features an additional article titled “Evaluating the Relationship Between Confidence Indicator and GDP Growth in Malaysia”, which highlights the Confidence Indicator as a valuable indicator of economic performance.

*In the latest global outlook, the World Bank anticipates global growth will moderate to 2.3 per cent in 2025 from an estimated 2.8 per cent in 2024, marking the slowest pace since the 2008 global financial crisis, excluding years of actual global recession. Similarly, the Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) forecasts a slightly more optimistic scenario, projecting a slowdown from 3.3 per cent in 2024 to 2.9 per cent in 2025. This more subdued outlook reflects ongoing headwinds, including elevated interest rates, uncertainty surrounding global economic policies and rising trade tensions, all of which are contributing to increased caution in business and investment decisions worldwide.*

*Emphasising Malaysia's economic trajectory, Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin stated, “Malaysia's domestic economy in the first quarter of 2025 recorded broad-based growth across most sectors. The Services sector remained as the key driver, expanding by 5.0 per cent, supported by wholesale and retail trade, transportation and storage, and business services. Manufacturing grew by 4.1 per cent, supported by strong production in electronics, food processing and*

*rubber-based products. Agriculture registered modest growth of 0.6 per cent, driven by improvements in fishing and other sub-sectors. In contrast, Mining and quarrying contracted by 2.7 per cent, primarily due to reduced output of crude oil and natural gas.*

*Sustaining growth, the Manufacturing sector recorded a sales value of RM160.6 billion in April 2025, reflecting a 4.8 per cent year-on-year increase, mainly driven by strong performance in the Food, beverages & tobacco sub-sector (11.1%), Electrical & electronics products (9.8%), and Non-metallic mineral, basic metal & fabricated metal products (4.6%). However, on a month-on-month basis, the sales value declined by 2.3 per cent compared to March 2025. On the industrial performance standpoint, Malaysia's Industrial Production Index (IPI) grew by 2.7 per cent year-on-year in April 2025, supported by a 5.6 per cent increase in the Manufacturing sector. In contrast, the Mining and Electricity sectors recorded declines of 10.0 per cent and 1.6 per cent, respectively.*

*Looking at a broader perspective on Malaysia's Services sector, the Wholesale & Retail Trade segment registered total sales of RM151.7 billion in April 2025, reflecting a 4.7 per cent year-on-year increase, driven by growth in Wholesale trade (5.5%), Retail trade (4.7%) and Motor Vehicles (2.1%). However, monthly sales declined by 1.5 per cent, with all sub-sectors experiencing contractions. The Volume Index for the sector rose 4.3 per cent year-on-year to 160.6 points while slipped by 1.3 per cent on monthly basis.*

*On the external front, total trade in April 2025 surged by 18.2 per cent to reach RM261.9 billion, supported by significant growth in both exports and imports. Malaysia's merchandise exports rose by 16.4 per cent primarily driven by the continued expansion of Electrical & Electronics (E&E) products. Meanwhile, imports grew even faster at 20.0 per cent, also underpinned by robust demand for E&E products. Consequently, the trade balance narrowed by 33.0 per cent, compared to the same period last year. On a month-on-month basis, exports fell by 2.7 per cent while imports increased by 14.1 per cent. In May 2025, total trade stood at RM252.5 billion, marking a 2.6 per cent year-on-year increase, mainly attributed to a 6.6 per cent rise in imports.*

*In terms of prices, Malaysia's price dynamics in April 2025 reflected continued stability at the consumer level but growing pressure on producers. Headline inflation held steady at 1.4 per cent, matching the pace in March, underpinned by persistent price increases in key categories such as Personal care, social protection & miscellaneous*

goods & services, which rose to 4.1 per cent, followed by Education at 2.3 per cent and Housing, water, electricity, gas & other fuels at 2.0 per cent. In contrast, a softer inflation trend was observed in Food & beverages; Recreation, sport & culture, and Health. On the production side, the Producer Price Index (PPI) registered a deeper year-on-year decline of 3.4 per cent in April, compared to a 1.9 per cent drop previously. The fall was driven mainly by continued contractions in the Mining sector (-17.8%), Manufacturing (-2.6%), and Electricity & gas supply (-0.6%), although the Agriculture, forestry & fishing and Water supply sectors posted moderate gains of 2.6 per cent and 0.9 per cent, respectively. On a monthly basis, the PPI slipped by 1.0 per cent, extending a 0.6 per cent decrease recorded earlier. In May 2025, Malaysia registered an inflation rate of 1.2 per cent, while PPI declined further by 3.6 per cent.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin also highlighted that Malaysia's labour market continued to strengthen in April 2025, with total employment increasing by 2.8 per cent year-on-year to reach 16.82 million, and registering a modest 0.2 per cent growth compared to the previous month. In line with this positive trend, the unemployment rate declined to 3.0 per cent, marking a 5.5 per cent decrease in the number of unemployment on an annual basis and a 0.7 per cent drop month-on-month. Concurrently, the labour force expanded by 2.5 per cent year-on-year to 17.34 million, while the labour force participation rate rose to 70.8 per cent, up 0.2 percentage points from April 2024 and 0.1 percentage points from March 2025.

Malaysia's Leading Index pointed to a more cautious economic outlook with a marginal increase in April 2025. The year-on-year increase suggests underlying resilience in the economy and reflects near-term softness, supported by a steady domestic economic foundation.

ASEAN-Malaysia 2025 Chairmanship: The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will chair the 15<sup>th</sup> ASEAN Community Statistical System Committee (ACSS15) which aims to strengthen the statistical cooperation towards sustainable regional development.

Malaysia has, for the first time, successfully recorded the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 198 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67<sup>th</sup> position in the ODIN 2022/23 assessment.

**Embargo: Only can be published or disseminated at 1200 hour, Thursday 26<sup>th</sup> June 2025**

The Government of Malaysia has declared October 20<sup>th</sup> as National Statistics Day (MyStats Day), with the theme 'Statistics is the Essence of Life'. Meanwhile, the Fourth World Statistics Day will be celebrated on 20<sup>th</sup> October 2025, with the theme 'Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone'.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**


**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**26<sup>th</sup> June 2025**

*Exhibit 1: Monthly Economic Indicator*


### Leading Index

**113.6 point**  
**APRIL 2025**




### Unemployment Rate

**3.0%**  
**APRIL 2025**




### Production of Fresh Fruit Bunches

**1.3%**  
**MAY 2025**



### Production of Natural Rubber

**-15.6%**  
**APRIL 2025**



### Industrial Production Index (IPI)

**2.7%**  
**APRIL 2025**




### Sales Value of Manufacturing Sector

**4.8%**  
**APRIL 2025**



## Sales Value of Wholesale & Retail Trade **4.7%** APRIL 2025




## Volume Index of Wholesale & Retail Trade **4.3%** APRIL 2025



## Exports

**-1.1%**  
MAY 2025




## Imports

**6.6%**  
MAY 2025



## Consumer Price Index (CPI)

**1.2%**  
MAY 2025



## Producer Price Index (PPI) Local Production

**-3.6%**  
MAY 2025

